

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]

TARIKH : 10 MAC 2015

SOALAN : Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan
apakah kelayakan serta kepakaran Tan Sri
Muhammad Shafee Abdullah atas lantikan beliau
sebagai wakil Malaysia bagi Suruhanjaya Antara
Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia
(AICHR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, menurut Perkara 5 Terma Rujukan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (*ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights – AICHR*), Wakil AICHR merupakan wakil Kerajaan daripada setiap Negara Anggota ASEAN. Tempoh jawatan yang telah ditetapkan ialah selama 3 tahun (untuk satu penggal) dan lantikan seseorang Wakil boleh diperbaharui untuk satu penggal lagi.

3. Dalam hal ini, Kerajaan telah melantik YBhg. Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah sebagai Wakil Malaysia ke AICHR sejak 21 Oktober 2009 untuk tempoh 3 tahun. Pelantikan beliau seterusnya telah diperbaharui untuk satu penggal lagi.

4. Pelantikan YBhg. Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah adalah berdasarkan berpengalaman luas beliau dalam bidang perundangan dan hak asasi manusia. Pengalaman tersebut menjadikan beliau arif dengan dinamik isu-isu politik dan hak asasi manusia di peringkat kebangsaan dan serantau serta memahami tanggungjawabnya kepada Kerajaan Malaysia dalam isu-isu ini.

5. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, justifikasi pelantikan YBhg. Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah telah turut mengambil kira Kepengerusian AICHR oleh Malaysia pada tahun 2015. Yang Berhormat sedia maklum bahawa apabila sesebuah Negara menggalas tugas Kepengerusian yang melibatkan pelbagai Negara Anggota, ia bukanlah satu tugas yang mudah. Dalam hal ini, tanggungjawab dan peranan Wakil Malaysia ke AICHR akan menjadi lebih berat dan komitmen yang lebih perlu diberikan sepanjang tempoh Kepengerusian.

6. Penglibatan YBhg. Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah semenjak terzahirnya Terma Rujukan AICHR pada tahun 2009 memberikan beliau kelebihan dalam mengendalikan dan mengemudi Kepengerusian AICHR sepanjang tahun 2015. Hal ini kerana, beliau mempunyai, dengan izin, *institutional memory* terhadap isu-isu yang telah dan sedang dibincangkan oleh AICHR, selain kepakaran dan pengalaman sedia ada.

7. Kelebihan ini merupakan satu nilai tambah kepada YBhg. Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah yang secara langsung akan memudahkan beliau untuk membantu Malaysia menerajui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti AICHR bagi tahun 2015, antaranya Pelan Kerja 5 Tahun AICHR 2016-2020.

8. Untuk perhatian Dewan yang mulia ini, Pelan Kerja 5 Tahun AICHR 2016-2020 adalah merupakan pengganti atau penyambung kepada Pelan Kerja 5 Tahun AICHR 2010-2015. Memandangkan YBhg. Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah telah dari mula terlibat dengan Pelan Kerja tersebut iaitu semenjak dari tahun 2010, ini akan memberikan beliau perspektif yang lebih menyeluruh terhadap objektif dan fokus AICHR.

Sekian, terima kasih.